

10/05/2002

Pas, Keadilan sokong saranan pulau Israel

KUALA LUMPUR, Khamis - Pas dan Keadilan menyokong saranan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung perlunya perpaduan di kalangan umat Islam dalam usaha memulaukan Israel, bagi mendesak rejim berkenaan supaya menghentikan kekejaman terhadap rakyat Palestin.

Sehubungan itu, Keadilan menyatakan kesediaannya menyertai Umno dan Pas dalam usaha menyusun strategi memberi tekanan dan memulaukan Israel, sementara Pas pula mengajak agar lebih banyak pertemuan diadakan antara parti itu dengan Umno, ke arah mencapai titik pertemuan, demi kepentingan umat Islam.

Ketua Penerangan Keadilan, Ruslan Kassim, berkata Keadilan bersedia bekerjasama dengan Umno dan Pas untuk memperjuangkan nasib rakyat Palestin dengan memulau Israel, supaya tidak terus bertindak kejam terhadap rakyat Palestin.

Beliau berkata, Israel memang harus dipulau bagi menghentikan kekejaman mereka terhadap rakyat Palestin dan saranan Perdana Menteri itu perlu diberi sokongan padu oleh semua pihak.

"Usaha bagi memerangi kekejaman dan kezaliman yang dilakukan Israel memerlukan kita bersatu, tanpa mengira bangsa, agama dan fahaman politik.

"Ini kerana kita bercakap mengenai kelangsungan rakyat Palestin amnya dan umat Islam khususnya," katanya ketika dihubungi hari ini.

Beliau mengulas syarahan perdana Dr Mahathir yang bertajuk Palestin dan Kemanusiaan di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), malam tadi.

Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor, turut menyampaikan syarahan mengenai tajuk sama, di majlis anjuran DBP dan Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim) itu.

Pada akhir syarahan itu, Perdana Menteri dan Fadzil menandatangani pernyataan bersama untuk memperjuangkan nasib rakyat Palestin dan mengutuk kekejaman Israel. Presiden Keadilan, Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail, turut hadir untuk mendengar syarahan malam tadi.

Ruslan berkata, Keadilan menyambut baik langkah menganjurkan majlis itu dan bersedia bersama-sama memberi tekanan dengan memulaukan Israel.

Di KOTA BHARU, Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, berkata rakyat Malaysia wajar memulaukan barangan keluaran Yahudi dan Amerika Syarikat sebagai langkah awal membantah kekejaman Israel terhadap Palestin.

"Rancangan memulaukan barangan keluaran Yahudi atau Amerika memang cukup baik kerana mereka adalah golongan yang mementingkan kebendaan sehingga lupa kepada pertolongan Allah.

"Kalau boleh kita senaraikan dalam 10 atau 15 barangan dan dipulaukan secara rasmi untuk tempoh tertentu, Insya-Allah akan ada kesannya, malah mungkin dituruti oleh negara Asean lain.

"Saya menyokong tindakan Dr Mahathir ingin menyatakan pendirian Malaysia apabila bertemu (Presiden Amerika Syarikat), George W Bush tidak lama lagi. Cuma mereka ini kurang pedulikan bantahan kerana lebih pentingkan senapang," katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis penyampaian cek Takaful Malaysia kepada balu kakitangan Air Kelantan Sdn Bhd (AKSB) di JKR 10, di sini, hari ini.

Nik Aziz yang juga Mursyidul Am Pas, turut bersyukur kerana pemimpin Umno dan Pas dapat mengetepikan perbezaan fahaman politik untuk seiring menentang kezaliman Israel.

"Kalau boleh, biarlah dua, tiga dan banyak lagi pertemuan antara kita (Umno dan Pas). Semalam adalah permulaan dan titik pertemuannya kerana Palestin, jadi takkanlah tiada titik pertemuan sesama kita," katanya.
(END)